

KENYATAAN MEDIA  
29 NOVEMBER 2024

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Orang Ramai Diingat Utamakan Keselamatan Ketika dan Selepas Banjir**

**Putrajaya, 29 November 2024** – Suruhanjaya Tenaga (ST) ingin mengingatkan orang ramai agar sentiasa berhati-hati dan mengutamakan keselamatan elektrik dan gas di musim banjir. Ini memandangkan banjir boleh mengakibatkan pelbagai risiko antaranya tiang elektrik tumbang, talian elektrik terputus dan kerosakan kelengkapan elektrik dan gas.

Sehubungan itu, bagi memastikan keselamatan elektrik dan gas orang ramai perlu mengambil langkah-langkah pengawasan berikut:

### **Sebelum Banjir**

Sekiranya diarah berpindah, pastikan perkara berikut dilaksanakan:

1. Simpan kelengkapan elektrik di tempat yang tinggi dan selamat daripada ditenggelami air banjir.
2. Matikan suis bekalan utama di papan agihan elektrik.

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

3. Matikan pemasangan elektrik yang disambung secara berasingan daripada suis utama seperti solar PV atau pagar elektrik.
4. Tutup injap silinder gas atau gas berpaip.

### **Semasa Banjir**

1. Elak melalui kawasan yang mempunyai talian elektrik atau pemasangan elektrik seperti pencawang dan bilik suis elektrik yang ditenggelami air.
2. Elak daripada memegang tiang atau apa-apa struktur yang menyalurkan elektrik.
3. Jangan mengalih tiang elektrik yang tumbang atau talian yang putus. Segera laporkan kepada pihak utiliti elektrik.

### **Selepas Banjir**

1. Pastikan suis utama di papan agihan elektrik dan injap saluran gas berada pada kedudukan '*OFF*' sebelum kerja pembersihan dimulakan.
2. Sebelum '*ON*' suis utama, pastikan kelengkapan elektrik dalam keadaan baik dan kering.
3. Sentiasa berwaspada apabila menjalankan aktiviti pembersihan banjir berdekatan dengan talian, struktur pemasangan elektrik dan saluran gas berpaip.
4. Elak menggunakan kelengkapan elektrik dan gas yang diragui keselamatannya.
5. Sekiranya meragui keselamatan sistem elektrik dan gas berpaip, dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik atau gas yang berdaftar dengan ST.


---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**


Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST turut menasihatkan agar orang ramai menyimpan nombor telefon pejabat kecemasan seperti balai polis, bomba, hospital dan syarikat utiliti yang berdekatan. Sila pastikan nombor tersebut mudah diakses semasa kecemasan.



Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau aduan mengenai perkara ini, sila hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau email ke [eaduan@st.gov.my](mailto:eaduan@st.gov.my). Layari juga laman web ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my).

 **TIP KESELAMATAN ELEKTRIK DAN GAS DI MUSIM BANJIR**


**1 Sebelum Banjir**



1. Pindahkan kelengkapan elektrik ke tempat yang tinggi.
2. **Off** suis utama elektrik.
3. **Off** injap saluran gas.


  


**2 Semasa Banjir**




**Jangan!!!**

1. Hampiri pemasangan elektrik.
2. Hampiri talian elektrik putus.
3. Pegang tiang atau struktur yang menyalur elektrik.
4. Alih/baiki talian elektrik yang putus.



**3 Selepas Banjir**



1. **Off** suis utama atau injap utama saluran gas sebelum kerja-kerja pembersihan.
2. Pastikan kelengkapan elektrik kering sebelum digunakan.
3. Lantik kontraktor elektrik atau gas yang berdaftar dengan ST sekiranya meragui keselamatan.

**THINK SAFETY, THINK ST**

\*\*\*TAMAT\*\*\*

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.